



Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Ketua Eksekutif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
Ketua Eksekutif Suruhanjaya Tenaga Malaysia  
Ketua Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara  
Ketua Eksekutif Tenaga Nasional Berhad  
Ketua Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor Berhad  
Ketua Eksekutif Indah Water Konsortium Berhad

## **PENAMBAHBAIKAN URUSAN PENGELUARAN PERMIT PEMBINAAN MELALUI OSC 1SUBMISSION 2.0 BAGI PROSES PEMERIKSAAN AKHIR**

---

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklum dan memberi panduan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Agensi Teknikal Luaran mengenai penambahbaikan urusan pengeluaran permit pembinaan melalui OSC 1Submission 2.0 untuk proses Pemeriksaan Akhir Bagi Tujuan Penyambungan Utiliti Dan Pengeluaran Pengesahan CCC (Proses 4).

2. OSC 1Submission 2.0 memberi fokus kepada 5 proses utama pembinaan iaitu pra rundingan, pertimbangan kepada pelan-pelan cadangan pemajuan, notifikasi permulaan kerja binaan di tapak, pemeriksaan akhir dan pendepositan CCC. Lima(5) proses utama ini telah pun dikuatkuasakan pemakaiannya bagi projek berskala kecil bukan kediaman dalam kawasan Kuala Lumpur melalui OSC1*Submission* yang diperkenalkan pada 1 Jun 2012.

3. Penambahbaikan yang dilaksanakan melibatkan proses di peringkat mendapatkan kelulusan pembangunan (Proses 2) dan di peringkat pemeriksaan



Tempoh bagi mendapatkan kelulusan pembangunan daripada semua agensi teknikal yang terlibat dipendekkan kepada 30 hari. Pemeriksaan akhir dijalankan setelah beberapa komponen penting dalam sesebuah pembangunan siap disempurnakan dan bersedia untuk diserahkan kepada agensi atau dibuat penyambungan kepada laluan-laluan utama utiliti. Selaras dengan sistem CCC yang telah dikuatkuasakan mulai 12 April 2007, pemeriksaan akhir bagi tujuan pengeluaran surat-surat pengesahan CCC diwajibkan ke atas 4 Jabatan teknikal iaitu Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Indah Water Konsortium (IWK). JPIF tidak mengeluarkan sebarang surat pengesahan CCC. Selepas tempoh 14 hari dari tarikh permohonan pemeriksaan melalui OSC, surat permohonan pemeriksaan boleh digunapakai sebagai lampiran untuk Borang G17. Pemeriksaan akhir bagi Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (borang G 11) tidak terlibat dalam permohonan OSC 1 Submission.

4. OSC 1Submission 2.0 memperkemaskan proses pemeriksaan akhir ini dengan memantapkan *self regulation* di kalangan para profesional dan mempertingkatkan tahap kompetensi agensi-agensi teknikal yang membuat pemeriksaan akhir. Tatacara pelaksanaan proses pemeriksaan akhir adalah seperti di **Lampiran A**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

5. Model baru kerja OSC 1Submission 2.0 ini berkuat kuasa **3 Februari 2014** bagi projek-projek yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan dikemukakan untuk pertimbangan DBKL.

## **PENUTUP**

8. Dengan adanya Pekeliling ini, diharapkan prosedur dan proses urusan permit pembinaan di Kuala Lumpur dapat diseragamkan dan sekali gus menambahbaik aspek prosedur, masa dan kos bagi urusan pengeluaran permit pembinaan keseluruhannya.




**PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

**Urusetia Pusat Setempat (OSC)  
Jabatan Perancangan Bandar  
Tingkat Bawah, Menara DBKL 2  
Jalan Raja Laut  
50350 KUALA LUMPUR.  
(u/p: Puan Nor Fajariah Binti Sulaiman)  
No. Telefon : 03-2028 2941/2944  
No. Fax : 03-2694 3085**

Sekian, terima kasih.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**DATUK SERI HJ AHMAD PHESAL BIN HJ TALIB)**  
Datuk Bandar  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Januari 2014

**Salinan Dalam:**

- Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Timbalan Ketua Pengarah Perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Ketua-ketua Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Pengemukakan Permohonan Pemeriksaan Akhir Bagi Tujuan Penyambungan Utiliti Dan Pengeluaran Pengesahan CCC (Proses 4).

1. Pemohon mengemukakan permohonan kepada OSC untuk diadakan Pemeriksaan Akhir dengan melengkapkan perkara-perkara berikut:

a) Borang Permohonan Pemeriksaan Akhir

b) Skop Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS)

-Laporan Ujian dan Pentauliahan

c) Skop Tenaga Nasional Berhad (TNB)

-Borang G, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)

-Borang H, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)

d) Skop Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF)

-Laporan Ketebalan Crusher Run

-Laporan Ketebalan Premix

-Laporan Carlifonia Bearing Ratio

e) Skop Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

-Borang A – Borang Permohonan dan Perakuan Bagi Pemasangan Sembuan Automatik (jika berkaitan).

-Borang B - Borang Permohonan dan Perakuan Bagi Pemasangan Tetap dan Sistem Penggera Kebakaran (jika berkaitan).

f) Skop Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)

-Borang Pemeriksaan JKJ 166/JKJ 167, Akta Kilang Dan Jentera 1967 (Akta 139)

g) Skop Indah Water Konsortium (IWK)

-PDC 7 & 8

2. Pemeriksaan oleh SYABAS

a) Membuat pemeriksaan akhir bagi tujuan penyambungan.

b) Surat pengesahan CCC bagi G13 dikeluarkan pada hari pemeriksaan serta pemasangan meter.



pemeriksaan oleh TNB

Membuat pemeriksaan akhir bagi tujuan penyambungan.  
Tapak akhir diadakan dan *clearance* CCC bagi G16 dikeluarkan pada hari pemeriksaan. Surat pengesahan CCC disalinkan ke OSC.  
TNB buat penyambungan.

pemeriksaan oleh JPIF

Tapak melibatkan pemeriksaan akhir dibuat oleh JPIF ditapak pemeriksaan akhir.  
Permohonan hanya dikehendaki menyediakan dan mengemukakan pemeriksaan akhir kepada pihak JPIF sebagai bukti pemeriksaan. Tapak dibuat mengikut format laporan yang disediakan oleh JPIF. Laporan dikemukakan melalui OSC semasa peringkat pengesahan pemeriksaan akhir bersama permohonan kepada agensi-agensi berkaitan.

pemeriksaan oleh JPBM


Membuat pemeriksaan di tapak berkaitan dengan aspek keselamatan kebakaran.  
Tapak akhir diadakan dan *clearance* CCC bagi G9 (jika berkaitan) atau G9 (jika berkaitan) dikeluarkan pada hari pemeriksaan. Surat pengesahan CCC disalinkan ke OSC.

pemeriksaan oleh IWK


Membuat pemeriksaan bagi kerja-kerja pembentungan.  
Tapak akhir diadakan dan surat pengesahan CCC bagi G15 dikeluarkan pada hari pemeriksaan.  
Surat pengesahan CCC disalinkan ke OSC.

# ARTA ALIR PROSES UTAMA OSC 1SUBMISSION


## Pre-Consultation.








(iii) Pemberitahuan notis memulakan kerja pembinaan.



## pengeluaran pengesahan CCC.



(v) Deposit salinan CCC dan borang G1-G21.

